



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**KAJIAN KEMAJUAN PERTANIAN KAUM BUGIS DI
SADONG JAYA**

OLEH:

ZULKIPLI @ ZULKIFFLEE BIN SOFEE

Kertas projek ini dikemukakan kepada Fakulti Pentadbiran dan Undang-Undang, Institut Teknologi MARA, Sarawak untuk memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi Diploma Pentadbiran Awam.

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
INSTITUT TEKNOLOGI MARA, SARAWAK**

APRIL 1999

ABSTRAK

Di dalam kajian tentang kemajuan pertanian Kaum Bugis di Kampung Pelandok Ulu / Iboi, cuma terdapat sedikit sahaja masalah. Misalnya kekurangan maklumat tentang keluasan kampung yang dibuat kajian. Keluasan kedua-dua kampung ini cuma anggaran sahaja kerana tidak ada maklumat yang tepat. Selain daripada ini, agak sukar untuk mendapat maklumat tentang perolehan pendapatan bulanan para pekebun dalam sebulan kerana hasil pengeluaran pertaniannya tidak menentu. Ini bergantung kepada kesuburan tanaman dan keadaan cuaca. Pengeluaran hasil tanaman tidak mengikut musim seperti tanaman-tanaman lain. Menyentuh tentang metodologi kajian, saya hanya menggunakan tiga cara iaitu menerusi siasatan, pemerhatian dan maklumat yang sedia ada. Siasatan dilaksanakan secara temubual. Setelah itu saya membuat pemerhatian dari masa ke semasa dan menggunakan maklumat yang sedia ada daripada seorang pekebun yang selaku pemborong di kedua-dua kampung tersebut. Misalnya dari segi penjualan kelapa, pisang dan koko untuk setiap bulan. Kesemua ini menerusi data sekunder. Kaedah yang digunakan amat sesuai sekali di dalam membuat kajian tentang kemajuan pertanian di sini. Secara keseluruhannya kertas projek ini amatlah memuaskan hati, kerana saya telah berjaya mengkaji tentang kemajuan pertanian Kaum Bugis. Jadi secara kesimpulannya kertas projek ini telah memberi banyak kesan yang positif kepada diri saya dalam membuat kajian. Sememangnya pekebun di sini memang sangat maju di dalam bidang pertanian dan patut dicontohi oleh pekebun-pekebun kaum lain. Mereka mempunyai disiplin yang kuat dalam aktiviti pertanian. Ketekunan, kegigihan dan semangat bekerjasama telah memberikan kejayaan yang besar kepada mereka. Wajarliah kedua-dua kampung ini dijadikan model (contoh) oleh masyarakat lain.

KANDUNGAN

	Mukasurat	
SENARAI JADUAL	I	
SENARAI RAJAH	II	
1.0	Pengenalan	1
1.1	Pengenalan Kajian	4
1.2	Penyata Masalah	5
1.3	Objektif kajian	6
1.4	Skop Kajian	9
1.5	Kepentingan Kajian	11
1.6	Metodologi Kajian	12
1.7	Hipotesis	14
1.8	Tinjauan Literature (Literature Review)	16
1.9	Susunan Bab	21
2.0	LATAR BELAKANG KAJIAN	22
2.1	Pengenalan	24
2.2	Tanaman Utama Dan Sampingan	24
2.3	Tanaman Utama	24
2.4	Tanaman Sampingan	34
3.0	DATA ANALISIS	39
3.1	Jenis-Jenis Tanaman	40
3.2	Tanaman Pisang	41
3.3	Tanaman Kelapa	42
3.4	Tanaman Koko	43
3.5	Pengurusan Tanaman	45
3.6	Pengeluaran dan Pendapatan Hasil Pertanian	49
3.7	Peranan Jabatan Pertanian	50
3.8	Kesimpulan	51
4.0	PENEMUAN KAJIAN	54
4.1	Hasil Pengeluaran Kelapa	54
4.2	Hasil Pengeluaran Pisang	56
4.3	Hasil Pengeluaran Koko	57
4.3	Hasil Pengeluaran Limau Manis	57
4.5	Kesimpulan	58
5.0	RINGKASAN DAN KESIMPULAN	59
5.1	Ringkasan	59
5.2	Kesimpulan Dan Keputusan	63

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Negara Malaysia memang terkenal dengan rakyatnya yang berbilang kaum. Kaum-kaum ini merupakan bangsa Malaysia sebagai lambang perpaduan dan keharmonian negara. Sememangnya negara Malaysia merupakan sebuah negara di Asia yang terkenal dengan keharmonian dan adat resam kaum-kaumnya.

Seperti juga di Semenanjung Malaysia, rakyatnya terdiri dari kaum Melayu, Cina, India, Semai, Jakun dan sebagainya. Manakala di Sarawak, rakyatnya terdiri daripada tiga kaum yang terbesar iaitu Iban, Melayu dan Cina. Kaum-kaum yang lain ialah kaum Melanau, Bidayuh, Bugis, Jawa, Selakau, Kenyah, Kelabit, Murut, Lumbawang, Kayan, Penan dan lain-lain. Namun mereka tetap bersatu hati dan bekerjasama dalam pelbagai bidang, misalnya politik, ekonomi, sosial, adat resam dan budaya.

Dalam kajian ini, kaum Bugis adalah menjadi tumpuan saya. Kaum Bugis merupakan di antara kaum minoriti yang terdapat di negeri Sarawak. Kebanyakan penempatannya adalah di dalam bahagian pedalaman seperti di Daerah Kecil Sadong Jaya dan Daerah Simunjan.

Majoriti kaum Bugis terdapat di Kampung Pelandok Ulu dan Kampung Iboi termasuk di Kampung Sg. Apin dan Kampung Selangking. Di Daerah Kecil Sadong Jaya, kaum Bugis terdapat di Kampung Pelandok Ulu dan Kampung Iboi, manakala di Daerah

BAB 2

LATAR BELAKANG KAJIAN

2.0 Latar Belakang Kajian

Kajian ini terdapat dua buah kampung kaum Bugis yang menjadi tumpuan saya. Kira-kira 99% kaum Bugis tinggal di kawasan ini. Penduduknya seramai 222 orang. Kajian ini meliputi jenis-jenis tanaman, pengurusan tanaman, pengeluaran hasil pertanian serta pendapatan hasil pertanian dan peranan Jabatan Pertanian.

a) Kampung Pelandok Ulu

Kampung Pelandok Ulu adalah seluas 8.75km persegi yang terletak kira-kira 6km dari pekan Sadong Jaya, Asajaya. Kebanyakan penduduk kampung itu terdiri daripada kaum Bugis iaitu kira-kira 99%. Jumlah penduduknya adalah seramai 94 orang. Kampung ini hanya terdapat 16 buah rumah sahaja iaitu termasuk sebuah rumah kaum Cina. Tuan Hj.Abd.Karim B.Hj.Daeng Makati adalah merupakan penghulu bagi kampung ini. Beliaulah yang bertanggungjawab dalam hal-ehwal kampung ini. Menurut beliau, kaum Bugis telah menetap di sini kira-kira 76 tahun yang lalu. Sebilangan besar penduduk kampung ini mengusahakan kebun kelapa, pisang, koko dan sebagainya. Kira-kira 5% sahaja yang bekerja di jabatan-jabatan kerajaan dan sektor swasta. Hasil pengeluaran utama kampung ini ialah kelapa, pisang dan koko. Selain daripada tanaman tersebut, mereka juga ada menanam tanaman sambilan seperti jagung, rambutan, durian dan kopi. Mereka hanya bergantung kepada hasil kebun untuk menyara hidup. Kini kampung ini semakin bertambah maju dari segi pertanian meskipun tidak ada bantuan dari mana-mana pertubuhan atau organisasi. Apa yang jelas di sini, aktiviti pertanian mereka sangatlah maju.